

Hukum Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas

Abdul Kadir Hj. Muhammad

Abstract: In Malaysia there are two forms of laws regarding the administration and management of Muslim estates. Firstly, the law of the Muslim estate and secondly, the local customary law. The article attempts to study and differentiate the application of the two laws especially regarding the issues of heir, the status of a female heir and the rate of distribution of the customary estate as practised in Negeri Sembilan and other states by referring to the court decisions.

Pendahuluan

Di Malaysia terdapat dua bentuk hukum yang diguna bagi mentadbir atau mengurus pembahagian harta pusaka orang-orang Islam. Satunya, berasaskan hukum pusaka Islam dan keduanya berasaskan hukum pusaka adat. Sebelum kedatangan Islam kesemua hukum pusaka yang diamal di Malaysia adalah berasaskan hukum adat, sama ada berasaskan adat Hindu atau adat tempatan yang terdapat di Nusantara. Bagaimanapun hukum pusaka yang berasaskan hukum adat ini terhapus setelah kedatangan Islam kecuali di Negeri Sembilan. Hukum pusaka berasaskan Adat Perpatih terus dikuatkuasakan kepada masyarakat yang beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Namun begitu dalam situasi tertentu hukum pusaka berasaskan Adat Perpatih turut juga dilaksanakan di tempat lain di Malaysia. Pada tahun 1886, Majlis Mesyuarat Negeri Perak memutuskan tanah kepunyaan pembesar negeri, Tengku Long Jaafar ditukar nama kepada waris-warisan perempuan.¹

Perlaksanaan Hukum Pusaka Islam

Sistem pusaka berasaskan hukum pusaka Islam bagi orang-orang Islam telah diterima pakai oleh kesemua negeri di Malaysia kecuali di Negeri Sembilan. Perlaksanaan hukum pusaka Islam selain dari Negeri Sembilan tidak terjejas dengan kedatangan penjajah Barat. Namun begitu terdapat percubaan dari pihak Inggeris yang ingin menerap sistem pusaka berasaskan prinsip perundangan Inggeris melalui mahkamah bagi menggantikan sistem pusaka Islam. Percubaan ini berlaku di Negeri Selat. Pada tahun 1835 dalam kes *In the goods of Abdullah*,² Mahkamah Pulau Pinang memutuskan wasiat yang dibuat oleh si mati adalah sah walaupun diwasiatkan kepada ahli waris dan melebihi dari kadar satu pertiga tanpa persetujuan waris-warisan yang lain.

Dalam kes ini sebelum Abdullah (si mati) meninggal dunia, si mati telah mewasiatkan keseluruhan harta yang dimiliki kepada isterinya. Selepas Abdullah meninggal dunia waris-warisnya yang lain tidak bersetuju dengan wasiat tersebut dan membawa kes ke mahkamah. Hakim Makin, R memutuskan isteri tersebut berhak mendapat kesemua harta yang diwasiatkan oleh suaminya kerana Undang-undang yang dipakai di Negeri-negeri Selat ialah undang-undang Inggeris berdasarkan Piagam Keadilan Pertama dan bukan undang-undang Islam.³

Pemakaian terhadap prinsip perundangan Inggeris bagi kes di atas dikukuhkan dengan keputusan terdahulu oleh Hakim Sir Edmond Stanley dalam kes *Kamoo v. Bassett*.⁴ Kemudian prinsip tersebut diperuntukkan secara rasmi apabila tergubalnya Undang-undang Keluarga Islam bagi Negeri-negeri Selat, Mohamedan Law Ordinance no. 5/1880. Ordinan ini memperuntukkan antara lain sekiranya seseorang isteri mati, suami berhak mendapat 1/4 dari harta peninggalannya dan 3/4 dibahagi sama rata antara anak-anak. Sebaliknya jika isteri tidak mempunyai anak dan ke bawah, maka suami berhak mempusakai keseluruhan harta tersebut.⁵

Peruntukan tersebut hanya boleh dilaksanakan berdasarkan hukum pusaka Islam sekiranya terdapat persetujuan awal sebelum meninggal dunia harta pusaka mereka hendaklah dibahagi mengikut hukum Islam.⁶

Beberapa peruntukan di atas jelas bertentangan dengan hukum Islam. Antaranya pembahagian sama rata antara anak-anak tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan, suami mempusakai kesemua harta isteri sekiranya mereka tidak mempunyai anak.

Oleh kerana ada bantahan dari orang-orang Islam maka prinsip pusaka berasaskan undang-undang Inggeris ini telah dimansuhkan pada tahun 1923 melalui undang-undang no. 26/1923 (Mohamedans Amendment Ordinance) bagi Negeri-negeri Selat. Dengan terlaksananya ordinan ini orang-orang Islam di Negeri-negeri Selat diberi hak untuk mengguna undang-undang pusaka Islam dalam urusan pembahagian pusaka mereka. Mungkin mereka sedar penerapan sistem pusaka berdasarkan prinsip perundangan Inggeris di Negeri-negeri Selat itu merupakan satu kesilapan, maka percubaan itu tidak dilanjutkan penggunaannya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu baik melalui mahkamah ataupun enakmen. Dalam kes *Sheikh Abdul Latif dan lain-lain*, lawan *Sheikh Elias Bux*,⁷ mahkamah memutuskan bahawa

wasiat yang dibuat oleh si mati sebelum meninggal dunia adalah tidak sah kerana ia bercanggah dengan hukum Syarak. Dalam kes ini, pada tahun 1913 sebelum meninggal dunia, si mati telah mewasiatkan supaya harta peninggalannya dibahagi sama rata antara mereka berikut; seorang anak angkatnya, dua balunya, seorang anak perempuannya dan dua saudara lelakinya. Salah seorang dari saudara lelaki beliau ialah Sheikh Abdul Latif. Pada tahun 1914 si mati meninggal dunia. Sheikh Abdul Latif tidak setuju dengan wasiat si mati dan membawa kes ke mahkamah. Pihak mahkamah memutuskan wasiat bagi orang-orang Islam di Negeri-negeri Melayu Bersekutu tertakluk kepada undang-undang Islam kerana ia sebahagian dari perkara yang bersangkutan dengan undang-undang diri. Dengan itu harta tersebut hendaklah dibahagi mengikut faraid.

Demikian juga dalam kes *Siti Binti Yatim* lawan *Mohamed Nor bin Bujai*,⁸ pada tahun 1928, Hakim Broton memutuskan wasiat yang dibuat oleh si mati adalah tidak sah kerana bertentangan dengan hukum Syarak. Dalam kes ini Pewasiat (Bujai) semasa hidupnya telah mewasiatkan keseluruhan harta beliau kepada anak lelakinya, iaitu Mohamed Nor kecuali tiga keping tanah diwasiat untuk Abu Hassan, iaitu anak saudara beliau. Wasiat ini dibuat bagi mengelak isterinya Siti dari mendapat bahagian hartanya yang masih tinggal. Si mati berpendapat harta yang telah diberi kepada isterinya sudah mencukupi.

Siti membuat tuntutan terhadap harta yang diwasiat kepada Mohamed Nor, tetapi tidak terhadap wasiat kepada Abu Hassan. Siti dan Mohamed Nor bersetuju dengan wasiat tersebut. Hakim Burton dalam penghakimannya berpendapat wasiat orang-orang Islam tertakluk kepada hukum Islam. Dengan itu beliau berpendapat wasiat terhadap Mohamed Nor adalah tidak sah kerana melebihi dari satu pertiga.⁹ Siti diberi hak mendapat satu perlepasan dari harta tersebut.

Begitu juga dalam kes *Saedah binti Abu Bakar* lawan *Haji. Abdul Rahman bin Haji Yusup* dan dalam kes *Amanullah bin Haji Ali Hassan* lawan *Hajjah Jamilah*, mahkamah memutuskan bahawa wasiat orang-orang Islam tertakluk kepada hukum Islam.¹⁰

Setelah mencapai kemerdekaan pemakaian Hukum Pusaka Islam bagi orang-orang Islam di Malaysia telah dicatit dengan rasminya dalam Perlembagaan Persekutuan. Negeri-negeri diberi kuasa mengubal undang-undang mengenai hukum Syarak yang berkaitan dengan undang-undang diri, baik mengenai perkahwinan dan juga pewarisan.¹¹

Peruntukan itu memberi erti hukum pusaka orang-orang Islam di Malaysia hendaklah berdasarkan hukum Syarak, juga kuasanya diagih-agih kepada negeri-negeri, bukan di bawah bidang kuasa pusat.

Dari kenyataan-kenyataan di atas jelas hukum pusaka rasmi bagi orang-orang Islam di Malaysia ialah berasaskan hukum pusaka Islam baik sebelum dan selepas kedatangan penjajah. Bagaimanapun terdapat percubaan dari pihak Inggeris untuk menerap prinsip pusaka berasaskan perundangan mereka. Tetapi percubaan itu gagal apabila tergubalnya Ordinan Tahun 1923 di atas.

Perlaksanaan Hukum Pusaka Adat Perpateh

Secara rasminya hukum pusaka bagi orang-orang Islam di negeri-negeri lain di

Malaysia adalah berasaskan hukum pusaka Islam. Tetapi di Negeri Sembilan bagi masyarakat beradat Perpatih hukum pusaknya adalah berasaskan hukum pusaka adat tersebut walaupun selepas kedatangan Islam. Adat ialah sesuatu peraturan yang diamalkan turun temurun sejak dahulu kala dalam sesuatu masyarakat sehinggalah menjadi satu peraturan atau undang-undang yang mesti dipatuhi.

Dalam sistem Adat Perpatih harta-harta dikelompokkan kepada empat jenis, iaitu harta pusaka, harta dapatan, harta pembawa dan harta carian laki-bini. Cara pewarisan dipengaruhi oleh jenis-jenis harta tersebut. Lain bentuk harta, maka cara pewarisannya adalah berlainan. Namun begitu pada prinsipnya harta peninggalan mati mengikut adat Perpatih adalah diwarisi oleh waris-waris perempuan. Kecuali dalam keadaan tertentu sahaja harta si mati boleh diwarisi oleh waris-waris atau keturunan laki-laki. Konsep pewarisan dalam sistem Adat Perpatih itu adalah seperti berikut:

Pertama, Konsep Pewarisan bagi Harta Pusaka.

Harta Pusaka diertikan sebagai harta-harta yang terdiri dari tanah-tanah kampung, tanah-tanah sawah, tanah-tanah dusun dan rumah-rumah yang didirikan di atas tanah-tanah tersebut yang dipusakai oleh perempuan dari ibu-ibu mereka. Harta-harta ini dikenali sebagai pusaka benar¹² dan tanah adat.¹³ Termasuk juga dalam harta adat ini ialah tanah-tanah baru yang ditandakan sebagai tanah adat.

Harta-harta ini hanya boleh diwarisi oleh waris-waris atau keturunan perempuan sahaja. Suami atau waris laki-laknya tidak berhak mempusakai harta-harta tersebut. Diperuntukkan dalam enakmen, *No customary land or any interest therein shall be transferred or lease to any person other than a female member of the tribes include in Shedule B.*¹⁴ Dalam kes *Re Siwok*¹⁵ Pejabat Tanah Rembau, Negeri Sembilan memberi hak pewarisan kepada waris perempuan bukan kepada waris lelaki. Dalam kes ini Siwok (perempuan) meninggal dunia. Beliau mempunyai waris-waris yang terdiri dari seorang anak lelaki, dua orang nenek saudara; iaitu Neresah dan Taipah. J. S. W. Reid, Pemungut Hasil Tanah Rembau memindah kesemua hak milik tanah Siwok kepada Neresah nenek saudara si mati. Anak lelaki kepada Siwok tidak berhak mendapat apa-apa bahagian dari harta peninggalan tersebut.

Konsep asal harta adat adalah sebagai harta suku. Dengan itu waris perempuan yang mewarisinya dianggap sebagai pemegang amanah bagi mentadbir harta tersebut untuk kepentingannya dan saudara lelaki mereka. Tetapi dalam realiti nampaknya tidak demikian. Ini kerana harta-harta tersebut boleh dijual walaupun di kalangan perempuan dari suku mereka sahaja.¹⁶

Kedua, Konsep Pusaka bagi Harta Dapatan.

Harta Dapatan diistilahkan sebagai harta yang dimiliki oleh perempuan sebelum berkahwin, sama ada diperolehi dari ibunya atau dari suaminya yang terdahulu atau dari hasil usaha beliau sendiri.¹⁷

Pewarisannya adalah sama dengan cara pewarisan Harta Pusaka. Ia diwarisi oleh

anak perempuan apabila ibunya meninggal dunia atau waris-waris perempuan yang lain sekiranya si mati tidak mempunyai anak perempuan. Dalam kes *Re Haji Norijah*, kes no. 57/26¹⁸ anak saudara perempuan si mati mewarisi harta si mati kerana si mati tidak mempunyai anak perempuan. Dalam kes ini Haji (Hajah) Norijah memiliki sebidang tanah hasil pemberian dari anak saudaranya, iaitu Bidi. Hajah Norijah tidak mengusaha sendiri tanah tersebut, sebaliknya meminta anak saudaranya, iaitu Esah bersama suaminya, Ali menjaga dan mengusaha tanah tersebut. Dalam tahun 1926 Hajah Norijah terbunuh. Beliau tidak mempunyai anak perempuan, tetapi mempunyai suami, iaitu Haji Tohid. Haji Tohid menuntut pusaka dari harta tersebut. Beliau mendakwa tanah itu sebagai harta carian laki-bini. Bagaimanapun Esah dan suaminya Ali meminta tanah tersebut ditukar kepada Aisah. Pemungut hasil tanah menolak permohonan Haji Tohid kerana tanah tersebut bukan harta carian laki bini. Sebaliknya tanah tersebut sebagai harta dapatan Hajah Norijah. Pemungut hasil tanah memberi hak pemilikan kepada Aisah berlandaskan amalan Adat.

Ketiga, Konsep Pusaka Harta Pembawa.

Harta Pembawa ialah harta yang dimiliki oleh lelaki sebelum berkahwin. Harta-harta itu kemudiannya di bawa bersama oleh lelaki selepas berlaku perkahwinan sama ada harta yang diperolehi kerana hasil usahanya sendiri atau pemberian ibu. Termasuk dalam konsep ini ialah hadiah-hadiah yang diberi oleh keluarga semasa perkahwinan.¹⁹

Cara pewarisan, harta-harta ini akan dikembalikan kepada waris si mati,²⁰ iaitu keluarga perempuan yang terdekat dari suku si mati. Tidak kepada isterinya. Dalam kes *Re Ripin*,²¹ pemungut hasil tanah, menukar tanah Ripin kepada ibu angkatnya kerana harta yang di atas nama Ripin itu ialah termasuk dalam harta pembawa. Dalam kes ini Ripin memiliki separuh dari tanah di atas hasil pemberian sepupunya Haji Ahmad. Sebahagian lagi dimiliki oleh Timah saudara perempuan beliau. Ripin meninggal dunia pada tahun 1927 dan mempunyai seorang isteri bernama Ranting dan seorang anak lelaki, Derus. Ranting janda kepada Ripin menuntut pusaka iaitu bahagian Ripin. Beliau mendakwa separuh tanah tersebut sebagai harta carian laki-bini. Pejabat tanah memutuskan separuh tanah yang di atas nama Ripin sebagai harta pembawa, bukan harta sepencarian. Oleh kerana Ripin meninggal dunia, maka harta itu mesti dipulangkan kepada warisnya, iaitu Munah kerana beliau ibu angkat kepada Ripin.

Keempat, Konsep Pusaka Harta Carian Laki-Bini.

Harta carian laki-bini ini diertikan sebagai harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Ia dikenali juga sebagai harta sepencarian.

Cara pusaknya adalah seperti berikut:

1. Kematian suami atau isteri tanpa anak. Harta akan diwarisi oleh salah seorang yang masih hidup. Kalau suami mati kesemua harta akan diwarisi oleh isteri dan begitu

sebaliknya. Dalam kes *Hassan lawan Romit*²² (Land case 10/13), Hassan berhak ke atas tanah Imat (isterinya). Dalam kes ini Hassan isterinya (Imat) berkongsi membeli tanah bersama-sama dengan Romit, iaitu saudara perempuan kepada Imat. Romit juga sudah bersuami. Tanah ini di atas nama kedua-dua perempuan tersebut, tetapi tidak ditanda dalam geran sebagai tanah adat. Hassan dan Romit mempunyai dua anak laki-laki. Apabila Imat meninggal dunia Hassan menuntut separuh dari tanah yang di atas nama isterinya sebagai hak carian laki-bini berpandukan Undang-undang Adat, mati-bini tinggalkan laki. Pemungut hasil tanah memberi tanah tersebut kepada Romit berasaskan satu perjanjian antara Imat dan Romit bahawa tanah itu akan diberi kepada mereka yang masih hidup.

Hassan tidak puas hati dan membuat rayuan. Berdasarkan adat Residen British memberi separuh dari tanah tersebut kepada Hassan.

2. Kematian Suami dan Terdapat Anak Bersama Isteri.

Mengikut adat harta sepencarian akan diwarisi oleh isteri dan anak-anak, lelaki dan perempuan. Dalam kes *Re Rahmat Pakeh*²³ (Land Case 176/27), harta diwarisi oleh anak perempuan sahaja. Dalam kes ini Rahmat, si mati meninggalkan isteri, seorang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Beliau meninggalkan satu lot tanah carian kampung (lot kampung) atas namanya. Isteri si mati meminta lembaga memberi tanah kepada anak perempuan sahaja. Lembaga bersetuju dengan permintaan tersebut. Mereka berpendapat anak perempuan sahaja yang berhak atas tanah carian kampung, walaupun bukan tanah adat. Anak lelaki tidak berhak atas harta tersebut. Lembaga menyatakan sekiranya tanah getah anak laki-laki dan perempuan boleh mempusakai bersama tetapi dengan kadar sama rata.

Begitu juga dalam kes *Re Haji Munap*.²⁴ Dalam kes ini, Haji Munap dan Ganting adalah suami isteri. Mereka mempunyai dua anak laki-laki tetapi tidak mempunyai anak perempuan dan mereka memiliki sebidang tanah dusun sebagai harta carian laki bini. Haji Munap meninggal dunia dan selepas itu bekas isterinya Ganting berkahwin lain dan memperolehi seorang anak perempuan, iaitu Jaidah. Kemudian Ganting turut meninggal dunia. Selepas kematian Ganting seorang lelaki membuat tuntutan supaya tanah itu ditukar kepadanya berdasarkan persetujuan yang dicapai antara beliau dengan salah seorang anak lelaki si mati. Tuntutan ini ditolak oleh pemungut hasil tanah. Akhirnya emak kepada Ganting iaitu Jaidah memohon tanah tersebut bagi pihak Mahayu. Pemungut hasil tanah memutuskan tanah di atas adalah harta carian laki-bini. Oleh kerana Haji Munap mati, maka harta itu dapat kepada Ganting dan seterusnya ditukar nama kepada Jaidah bagi pihak Mahaya iaitu saudara perempuan seibu kepada dua anak lelaki Ganting. Kedua-dua anak lelaki ini tidak berhak ke atas tanah tersebut kerana tanah ini adalah tanah dusun. Anak lelaki berhak sekiranya harta peninggalan yang terdiri dari tanah getah atas kadar sama rata.

Dalam kes *Re Ma'amin*²⁵ ketiga-tiga anak mendapat bahagiannya sama rata. Dalam kes ini, Deraman dan Norijah mempunyai anak-anak yang terdiri dari Siti, Isa dan Ma'amin. Deraman meninggal dunia dan beliau mempunyai sebidang tanah. Pemungut hasil

tanah membahagi sama rata tanah tersebut antara ketiga-tiga saudara tanpa membezakan antara lelaki dan perempuan. Bagaimanapun selepas Ma'amin meninggal dunia, pemungut hasil tanah memberi satu pertiga yang dimiliki kepada Siti sahaja. Ini berlandaskan hukum adat yang saudara perempuan memiliki harta si mati sekiranya ia tidak mempunyai anak perempuan.

Dari kes-kes di atas jelas bahawa waris yang boleh mempusakai harta pusaka si mati mengikut Adat Perpatih ialah dari keturunan perempuan sebelah perempuan jika harta itu terdiri dari tanah adat, harta dapatan, harta pembawa, carian laki bini yang terdiri dari tanah kampong atau tanah sawah. Anak lelaki hanya boleh mewarisi harta carian laki-bini bapa atau ibu mereka sekiranya harta tersebut terdiri dari tanah getah. Namun begitu harta tersebut akan diwarisi oleh waris perempuan yang lain sekiranya si mati tidak berkahwin atau tidak mempunyai anak perempuan.

Perbezaan di antara Hukum Adat dan Islam

Terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua hukum di atas, antaranya.

1. Konsep waris.

Mengikut Adat Perpatih keturunan perempuan sahaja dianggap sebagai waris bagi harta pusaka, (tanah adat dan tanah kampong atau tanah sawah) harta dapatan dan harta pembawa. Pihak laki-laki tidak dianggap sebagai waris bagi harta-harta tersebut. Ini memberi erti, kaum perempuan sahaja yang berhak mewarisi harta-harta di atas. Kaum lelaki tidak diberi hak mewarisi harta-harta tersebut. Bagaimanapun mereka diberi hak mewarisi sekiranya melibatkan harta-harta carian laki-bini.

Mengikut Hukum Pusaka Islam waris laki-laki dan perempuan sama-sama dianggap sebagai waris yang berhak mewarisi harta peninggalan si mati. Tetapi lelaki diberi kadar yang lebih memandangkan mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih berat dalam menanggung nafkah keluarga.

2. Status Waris Perempuan Tidak Mutlak.

Walaupun Adat Perpatih mengiktiraf kaum perempuan sebagai waris, tetapi kedudukan mereka tidak mutlak. Dalam satu keadaan mereka menjadi waris, sementara dalam satu keadaan lain ia tidak dianggap sebagai ahli waris. Kedudukan ini berkait rapat dengan harta peninggalan si mati. Misalnya isteri, dia dianggap sebagai ahli waris sekiranya melibatkan harta sepencarian, tetapi tidak dianggap sebagai ahli waris sekiranya ia melibatkan harta pembawa. Anak perempuan si mati atau keturunan perempuan dari si mati sahaja dianggap sebagai waris. Tetapi mengikut hukum Islam status ahli waris adalah mantap. Kedudukannya tidak dipengaruhi oleh jenis harta peninggalan si mati. Kalau seseorang itu dianggap sebagai waris, maka ia berhak mewarisi semua jenis bentuk harta peninggalan si mati diperolehi sebelum perkahwinan atau selepas perkahwinan.

3. Kadar.

Walau pun anak lelaki diberi hak mewarisi harta carian laki-bini yang terdiri dari tanah getah, tetapi dengan kadar yang sama. Mengikut hukum Islam anak lelaki diberi kadar yang lebih. Manakala mengikut Adat Perpatih suami diberi hak mewarisi keseluruhan harta sepencarian sekiranya si mati tidak mempunyai anak. Ini berbeza dengan hukum Islam. Mengikut hukum Islam suami hanya mewarisi satu perdua sahaja, manakala isteri akan mewarisi satu perempat dan selebihnya ialah untuk waris-waris yang lain.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas jelas terdapat dua jenis hukum pusaka yang diamal secara rasmi di Malaysia. Satu berasaskan Hukum Pusaka Islam dan satu berasaskan hukum Adat Perpateh. Kedua-dua hukum itu tidak terjejas dengan kedatangan Barat, walau pun terdapat percubaan Inggeris yang mahu menerap prinsip perundangan mereka melalui Negeri-negeri Selat bagi mengganti hukum pusaka Islam. Pengamalan hukum Adat Perpateh hanya dikuatkuasakan kepada masyarakat beradat Perpateh di Negeri Sembilan. Bagaimanapun kedua-dua hukum di atas belum digubal secara rasmi dan kedua-dua hukum mempunyai prinsip yang berbeza. Bagi mengelak kekeliruan sudah sampai masanya kita menggubal satu enakmen pusaka untuk dilaksanakan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Hukum Islam hendaklah dijadikan asas dalam penggubalan. Kalau Undang-undang Keluarga Islam yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian boleh diterima oleh masyarakat Islam, maka tidak ada sebab mereka tidak boleh menerima undang-undang pusaka kerana keduanya undang-undang yang berkaitan dengan diri.

NOTA HUJUNG

1. Shamsiah Ahmad. "The Development of the Law of Succession in West Malaysia", Kertas Projek, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, 1976, hlm. 38.
2. Ahmad Ibrahim. "Harta Penama", dalam *Undang-undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia*, (ed.) Mohd. Riduan Awang, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, hal. 107.
3. Straits Settlements. Supreme Courts, Vol. II (1808-1884).
4. *Ibid.*
5. Mohamedan Law Ordinance (No. 5/1880), Seksyen 27.
6. *Ibid.*
7. Ahmad Ibrahim, *op. cit.*
8. F. M. S. Law Reports vol. 6 (1993): 135
9. *Ibid.*
10. Ahmad Ibrahim, *op. cit.*, hal. 107.
11. Perlembagaan Persekutuan, jadual dua, senarai ke sembilan.
12. Abdullah bin Sidik, Pengantar Undang-undang Adat. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975, hal. 147.
13. *Ibid.*
14. Customary Tenure Enactment, Chapter 215, sek. (7.1).
15. E.N. Taylor, "The Customary Law of Rembau", *JMBRAS*, vol. III, hal. 212.
16. Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan", Jabatan Pengajian Melayu (M.A.), 1969, hal. 193.
17. Abdul Kadir bin Haji Hassan, *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1993, hal. 35.
18. E.N. Taylor, "Customary Law of Rembau", *JMBRAS*, vol. III, hal. 76.
19. Abdul Kadir bin Haji Hassan, *op. cit.*, hal. 35.
20. *Ibid.*
21. E.N. Taylor, *op. cit.*, hal-hal. 77-78.
22. *Ibid.*, hal. 63.
23. *Ibid.*, hal. 126.
24. *Ibid.*, hal. 127.
25. *Ibid.*, hal. 145.